

## LAMPIRAN 1

### SENARAI SOALAN KAJIAN RINTIS AWAL PENGAJIAN UNTUK MENGENAL PASTI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH GURU PELATIH TERHADAP PENSYARAH-PENSYARAH MEREKA DI MAKTAB PERGURUAN

1. Apakah masalah-masalah yang anda hadapi semasa pensyarah memberi kuliah di bilik kuliah?
2. Apakah perkara-perkara yang patut dilakukan oleh seseorang pensyarah semasa mengajar?
3. Bagaimanakah seorang pensyarah patut menguruskan bilik kuliah?
4. Apakah yang patut dilakukan oleh pensyarah untuk menjadikan kerja kursus menjadi lebih berfaedah?
5. Apakah perwatakan seorang pensyarah yang kurang anda senangi?
6. Bagaimanakah seorang pensyarah patut berinteraksi dengan seorang guru pelatih?
7. Terangkan tugas-tugas seorang pensyarah.
8. Senaraikan ciri-ciri seorang pensyarah yang ideal.
9. Senaraikan personaliti pensyarah yang baik.
10. Adakah anda yakin tentang pengajaran pensyarah-pensyarah?

## LAMPIRAN 2

### **SESUATU SOAL SELIDIK UNTUK MENDAPATKAN PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP CIRI-CIRI PENSYARAH YANG IDEAL**

Soal selidik ini memberi anda peluang untuk memberi pandangan tentang ciri-ciri pensyarah. Sila beri jawapan anda secara bersungguh-sungguh dan ikhlas terhadap tiap-tiap item yang dikemukakan. Ini akan membolehkan pensyarah-pensyarah berusaha untuk mencapai tahap kecemerlangan dalam prestasi pengajaran di Maktab.

Anda tidak perlu menyatakan identiti anda dan laporan penganalisan data bagi soal selidik ini tidak akan menjejaskan prestasi kemajuan anda.

**SOAL SELIDIK PERSEPSI GURU PELATIH MAKTAB PERGURUAN  
TERHADAP CIRI-CIRI PENSYARAH YANG IDEAL DI MAKTAB PERGURUAN**

**BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG GURU PELATIH**

**MAKLUMAT PERIBADI GURU PELATIH** (Sila tandakan ( / ) di ruangan yang sesuai)

1. Umur : ..... tahun
  
2. Jantina :     Lelaki                       Perempuan
  
3. Pencapaian akademik tertinggi :  
  
 S.P.M.  
  
 S.T.P.M.  
  
 Diploma  
  
 Lain-lain, (sila nyatakan).....
  
4. Opsyen, (sila nyatakan)  
  
Pertama    .....
  
Kedua      .....

## BAHAGIAN 2 : MAKLUMAT TENTANG PENYAMPAIAN KULIAH OLEH PENSYARAH

Di bawah ini ialah satu senarai 15 ciri tentang penyampaian kuliah oleh pensyarah. Sila bulatkan ( O )

1 = Amat Penting

2 = Penting

3 = Kurang Penting

4 = Tidak Penting

pada pernyataan yang anda anggap sesuai.

### CIRI

- |   |   |   |   |   |
|---|---|---|---|---|
| 1. Pensyarah pandai memikat perhatian pelajar pada permulaan kuliah.  | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 2. Pensyarah menyampaikan kuliah dengan menggunakan alat bantuan mengajar.  | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 3. Pensyarah menggunakan bahasa yang mudah dan lancar semasa berkuliah.   | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 4. Pensyarah mengemukakan soalan yang dapat mencetuskan pemikiran semasa berkuliah.                                 | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 5. Pensyarah menggalakkan guru pelatih menyoal apabila mereka kurang faham tentang sesuatu semasa beliau berkuliah. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 6. Pensyarah bersifat humor pada ketika-ketika yang sesuai untuk menghidupkan kuliah.                               | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 7. Pensyarah bercakap tentang hal-hal yang tidak bersangkutan paut tentang tajuk kuliah di bilik kuliah.            | 1 | 2 | 3 | 4 |

8.	Pensyarah sentiasa mengawasi aktiviti pemelajaran guru pelatih di bilik kuliah.	1	2	3	4
9.	Pensyarah memerhatikan pembentangan laporan/projek/tugasan kerja kursus oleh kumpulan tertentu pada masa kuliah.	1	2	3	4
10.	Pada masa kuliah, pensyarah memberi perhatian pada bahagian-bahagian kursus yang berkait dengan peperiksaan.	1	2	3	4
11.	Pada masa kuliah, pensyarah menyuruh guru pelatih membuat kerja sendiri.	1	2	3	4
12.	Pensyarah dapat menunjukkan perkaitan sesuatu teori dengan amalan bilik darjah.	1	2	3	4
13.	Pensyarah menuntut perhatian penuh daripada setiap guru pelatih semasa berkuliah.	1	2	3	4
14.	Pensyarah dapat menggunakan contoh-contoh konkrit untuk menjelaskan sesuatu konsep.	1	2	3	4
15.	Pensyarah sentiasa mengulangkan isi-isi penting pada penghujung kuliah.	1	2	3	4

### BAHAGIAN 3: MAKLUMAT TENTANG PENGURUSAN BILIK KULIAH OLEH PENSYARAH

Di bawah ini ialah satu senarai 14 ciri tentang pengurusan bilik kuliah oleh pensyarah. Sila bulatkan ( O )

1 = Amat Penting

2 = Penting

3 = Kurang Penting

4 = Tidak Penting

pada pernyataan yang anda anggap sesuai.

#### CIRI

1.	Pensyarah sentiasa memberi salam kepada guru pelatih sebelum memulakan kuliah.	1	2	3	4
2.	Pensyarah sentiasa datang tepat pada waktu kuliah.	1	2	3	4
3.	Pensyarah menuntut setiap guru pelatih menghadiri semua kuliahnya.	1	2	3	4
4.	Pensyarah memastikan guru pelatih memelihara kebersihan bilik kuliah setiap masa.	1	2	3	4
5.	Pensyarah sentiasa tenang dalam sesuatu kecemasan di bilik kuliah.	1	2	3	4
6.	Pensyarah dapat memberi arahan yang tepat dan mudah difahami di bilik kuliah.	1	2	3	4
7.	Bagi persiapan tugas, pensyarah membahagikan guru pelatih kepada kumpulan-kumpulan kecil.	1	2	3	4
8.	Pensyarah sentiasa memberi bantuan perseorangan kepada guru pelatih yang tidak memahami kuliah.	1	2	3	4
9.	Pensyarah mengambil tindakan keras dan serta merta terhadap guru pelatih yang mengganggu kuliahnya.	1	2	3	4

- |     |   |   |   |   |   |
|-----|---|---|---|---|---|
| 10. | Pensyarah tidak peduli sama sekali tentang tingkah laku guru pelatih di bilik kuliah.               | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 11. | Pada kuliah pertama, pensyarah memberi tajuk-tajuk kuliah yang akan disampaikan.                    | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 12. | Pensyarah mengadakan kuliah tambahan untuk menyelesaikan tajuk kuliah yang tidak dapat disampaikan. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 13. | Pensyarah memastikan guru pelatih sentiasa berpakaian kemas dan sesuai di bilik kuliah.             | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 14. | Jika keadaan memerlukan, pensyarah menjalankan kuliah di luar bilik kuliah.                         | 1 | 2 | 3 | 4 |

**BAHAGIAN 4 : MAKLUMAT TENTANG PENGENDALIAN AKTIVITI TUGASAN KERJA KURSUS OLEH PENSYARAH**

Di bawah ini ialah satu senarai 13 ciri tentang pengendalian aktiviti tugas kerja kursus oleh pensyarah. Sila bulatkan ( O )

- 1 = Amat Penting
- 2 = Penting
- 3 = Kurang Penting
- 4 = Tidak Penting

pada pernyataan yang anda anggap sesuai.

**CIRI**

1.	Pensyarah menjelaskan dengan perinci tentang sesuatu kerja kursus untuk guru pelatih	1	2	3	4
2.	Pensyarah menghendaki tugas kerja kursus disiapkan secara individu.	1	2	3	4
3.	Pensyarah menghendaki tugas kerja kursus disiapkan secara kumpulan.	1	2	3	4
4.	Pensyarah memberi guru pelatih kebebasan untuk memilih tajuk tugas kerja kursus.	1	2	3	4
5.	Pensyarah memberi guru pelatih peluang membentang tugas kerja kursus di bilik tutorial.	1	2	3	4
6.	Pensyarah sentiasa menuntut tugas kerja kursus yang baik daripada guru pelatih.	1	2	3	4
7.	Sebaik sahaja pensyarah memeriksa hasil tugas kerja kursus beliau memulangkannya kepada guru pelatih.	1	2	3	4
8.	Pensyarah sering memberi komen tentang kelemahan dan kekuatan sesuatu tugas kerja kursus guru pelatih.	1	2	3	4



- |     |  |   |   |   |   |
|-----|--|---|---|---|---|
| 9.  | Pensyarah memberi pemberatan yang lebih kepada markah tugas kerja kursus berbanding dengan markah peperiksaan kursus akhir semester. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 10. | Pensyarah memberi tugas kerja kursus yang dapat membantu guru pelatih dalam pengajaran di darjah kelak.                              | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 11. | Pensyarah menggubal soalan peperiksaan yang merangkumi isi-isi penting di dalam tugas kerja kursus.                                  | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 12. | Pensyarah menggagalkan guru pelatih yang didapati menciaplak tugas kerja kursus.   | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 13. | Pensyarah tidak perlu memberi tugas kerja kursus.  | 1 | 2 | 3 | 4 |

## BAHAGIAN 5 : MAKLUMAT TENTANG SIFAT-SIFAT PERIBADI PENSYARAH

Di bawah ini ialah satu senarai 13 ciri tentang sifat-sifat peribadi pensyarah. Sila bulatkan ( O )

1 = Amat Penting

2 = Penting

3 = Kurang Penting

4 = Tidak Penting

pada pernyataan yang anda anggap sesuai.

### CIRI

1. Pensyarah mempunyai sifat-sifat penyayang.	1	2	3	4
2. Pensyarah mempunyai personaliti menarik.	1	2	3	4
3. Pensyarah sentiasa memberi dorongan dan menasihati guru pelatih.	1	2	3	4
4. Pensyarah mestilah mempunyai hubungan mesra dengan guru pelatih.	1	2	3	4
5. Pensyarah bersifat serius terhadap mutu tugas yang diserahkan oleh guru pelatih.	1	2	3	4
6. Pensyarah menerima teguran daripada guru pelatih jika beliau melakukan sesuatu kesilapan.	1	2	3	4
7. Pensyarah mestilah sentiasa berpakaian kemas dan bertali leher.	1	2	3	4
8. Pensyarah mempunyai banyak pengalaman dan berpengetahuan dalam bidang pendidikan guru.	1	2	3	4
9. Pensyarah mestilah terus meneroka ilmu dalam bidang pendidikan guru.	1	2	3	4
10. Pensyarah terlibat secara aktif dalam semua aktiviti di luar bilik kuliah bersama dengan guru pelatih.	1	2	3	4

- |   |   |   |   |   |
|---|---|---|---|---|
| 11. Adalah lebih sesuai pensyarah terdiri daripada golongan lelaki.         | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 12. Pensyarah patut berijazah   | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 13. Pensyarah sentiasa menegur tingkah laku guru pelatih yang kurang sopan. | 1 | 2 | 3 | 4 |

## BAHAGIAN 6

Beri komen anda berdasarkan kenyataan di bawah:

1. Adakah anda tertarik hati kepada cara pengajaran pensyarah di Maktab perguruan anda? (Jawab Ya atau Tidak) Mengapa?

.....  
.....

2. Mengapakah pengurusan bilik kuliah yang cekap oleh pensyarah penting bagi seseorang guru pelatih?

.....  
.....

3. Berikan satu kebaikan dan satu keburukan tugas kerja kursus individu.

Kebaikan - .....  
.....

Keburukan - .....  
.....

4. Berikan satu kebaikan dan satu keburukan tugas kerja kursus berkumpulan.

Kebaikan - .....  
.....

Keburukan - .....  
.....

5. Nyatakan satu ciri personaliti pensyarah di Maktab anda yang tidak akan anda teladani.

.....

.....

6. Nyatakan satu ciri personaliti pensyarah di Maktab anda yang akan anda teladani.

.....

.....

7. Di bawah ini adalah satu senarai 5 ciri seorang pensyarah yang ideal. Sila susunkan 5 ciri ini mengikut kepentingannya, dengan menulis nombor 1 ( ) di sebelah ciri yang anda anggap paling penting, nombor 2 bagi ciri yang kedua penting, nombor 3 bagi ciri ketiga penting dan nombor 4 bagi ciri yang keempat penting dan nombor 5 bagi ciri yang akhir pentingnya.

	CIRI	PENTING (1-5)
(a)	Pensyarah dapat menyampaikan kuliah secara terang dan mudah difahami oleh guru pelatih.	( )
(b)	Pensyarah dapat menguruskan bilik kuliah dengan cekap	( )
(c)	Pensyarah dapat mengendalikan tugas kerja kursus dengan berkesan.	( )
(d)	Pensyarah mempunyai sifat penyayang.	( )
(e)	Pensyarah mempunyai pengalaman yang amat luas.	( )

## LAMPIRAN 3

### SKEDUL TEMURAMAH

1. Pada pendapat anda, berikan satu aktiviti penting yang boleh dilakukan oleh pensyarah supaya kuliah di bilik kuliah menjadi lebih menarik untuk pemelajaran?
2. Pada pendapat anda, berikan satu cadangan yang boleh dilakukan oleh pensyarah supaya keadaan disiplin guru pelatih di bilik kuliah terkawal dan pemelajaran dapat berjalan lancar?
3. Pada pendapat anda, berikan satu cadangan yang harus dilakukan oleh pensyarah supaya tugas kerja kursus itu dapat memanfaatkan guru-guru pelatih?
4. Sila berikan satu ciri personaliti pensyarah yang disukai oleh guru pelatih.
5. Apakah tindakan anda jika pensyarah anda ialah seorang pemalas?